

14 JULY 2000

MAHATHIR HADIRI SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERANCIS DI COLMAR

BENTONG, 14 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menghadiri sambutan Hari Kebangsaan Perancis di Colmar Tropicale, kawasan peranginan bercirikan Perancis di Bukit Tinggi, dekat sini.

Yang mengiringi beliau ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Yang turut hadir ialah Duta Perancis ke Malaysia Xavier Driencourt dan para pegawai kanan Kedutaan.

Majlis itu anjuran Kedutaan Perancis turut dihadiri oleh beribu-ribu orang termasuk warga Perancis di negara ini.

Majlis itu diselubungi suasana Perancis memandangkan pusat peranginan itu ialah replika Colmar, satu tempat di Selatan Alsace, Perancis, terletak di persimpangan Eropah di sempadan Jerman dan Switzerland.

Para tetamu yang hadir dihiburkan oleh persembahan ahli-ahli muzik dan penyanyi Perancis.

Pembinaan pusat peranginan itu yang dibangunkan oleh Berjaya siap baru-baru ini selepas kerja-kerja pembinaan selama tiga tahun.

-- BERNAMA

AFY FAZ